

PM: Luahan Allahyarham Endon ketika jalani rawatan kanser payu dara 'Cukup menyakitkan'

UM - 25 - Oct - 2005

Oleh HABIBAH OMAR
dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 24 Okt. – Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood pernah menyatakan kepada suami tercinta bahawa kesakitan yang dialaminya ketika menjalani rawatan kanser payu dara adalah "cukup kuat untuk ditanggung."

Namun, Endon menganggap mungkin ada pengajaran bagi dirinya, keluarga dan orang lain di sebalik penderitaan yang ditanggungnya itu.

Pengajarannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menceritakan kisah itu di hadapan ahli-ahli Parlimen, Dewan Rakyat hari ini ialah: "Kita semua dan rakyat perlu mempunyai satu perasaan untuk bersama-sama menangani kanser dengan bersungguh-sungguh."

Menurut Perdana Menteri, apa yang perlu dilakukan kini ialah berusaha bagi meningkatkan tahap rawatan supaya rakyat dapat memperoleh ubat dengan harga yang murah dan berpatutan.

"Harga untuk menerima rawatan kanser amat tinggi dan ubatnya cukup mahal. Inilah yang akan kita lakukan supaya usaha itu biar sampai kepada matlamatnya iaitu rawatan untuk penyakit kanser dipastikan serendah-rendah dan semurah-murahnya.

"Ini bagi membolehkan masyarakat yang kurang berpendapatan mudah memperoleh rawatan terbaik dan bukan hanya mereka yang mampu bayar sahaja," katanya.

Kini terserahlah kepada Abdullah untuk menterjemahkan pengajaran itu kepada realiti. Pesakit kanser di Malay-

■ Lihat muka 2



KEMBALI BERTUGAS...

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam kembali bertugas, selepas kematian isterinya, Datin Seri Endon Mahmood, Khamis lalu.

Perdana Menteri yang hadir pada persidangan di Dewan Rakyat semalam telah menggulung usul merakamkan perasaan dukacita di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Endon pada 20 Oktober.

Beliau turut mengambil kesempatan menyampaikan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutama mereka yang tidak dapat menemui isterinya ketika sedang sakit.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi hadir pada persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. – Gambar HARUN OSMAN

'Cukup menyakitkan'

sia semakin meningkat saban tahun dan rawatan yang menyeluruh dan mampu diperoleh oleh seluruh rakyat Malaysia harus zahirkan.

Abdullah berkata demikian ketika menggulung sendiri usul merakamkan perasaan dukacita di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober lalu dan ucapan takziah kepada keluarganya pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Usul itu dibawa oleh timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menceritakan lagi, Abdullah dengan nada sayu berkata: "Semasa berada di luar negara ketika meneri-

ma rawatan, Endon kata bahawa sakitnya cukup kuat dan amat susah baginya dan ini bermakna bahawa sakitnya itu adalah benar-benar melemahkannya."

Azamnya, bagaimanapun cukup kuat.

Semasa hayatnya dan ketika sakit, Endon telah menunjukkan kesusahan untuk melaksanakan dan menyempurnakan beberapa projek yang telah dimulakannya.

Dalam menjayakan kerja-kerja itu, katanya, Allahyarham telah mendapat penghargaan daripada rakyat termasuk mereka yang membantu menjayakan projek yang mempunyai hubung kait dengan usaha melahirkan kesedaran me-

ngenai kanser, batik, songket dan projek sayang keluarga.

"Memang kerja Allahyarham banyak tetapi dalam menjalankan kerja yang banyak itu, beliau mendapat bantuan daripada kawan-kawan terutama dalam Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) khususnya timbalan beliau, iaitu Datin Seri Rosmah Mansor.

"Bagi beberapa projek yang perlu dilaksanakan, saya akan laksanakan dan kepada mereka yang telah terlibat dan mahu teruskan, saya harap supaya projek itu dapat diteruskan kerana ia ada hubung kait dengan kebajikan," katanya.

Dalam pada itu, kesempatan untuk menggulung usul itu turut digunakan oleh Perdana Menteri menyampaikan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutama mereka yang tidak dapat menemui isterinya ketika sedang sakit.

Semua bantuan dan jasa mereka itu, katanya, amat dihargai oleh Endon malah semasa sakit, Allahyarham sentiasa menyebut mengenai perkara itu.

Endon, 64, menghembuskan nafas terakhir di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya, Khamis lalu setelah bertarung dengan penyakit kanser payudara selama lebih tiga tahun.